



SIARAN AKHBAR

AMBD MENGADAKAN MAJLIS KHATAM AL-QURAN DAN PENYAMPAIAN SUMBANGAN DERMA KEPADA ANAK-ANAK YATIM

**BANGUNAN KEMENTERIAN KEWANGAN
BANDAR SERI BEGAWAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

HARI ISNIN, 26 RAMADHAN 1439 BERSAMAAN DENGAN 11 JUN 2018

1. Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) telah mengadakan Majlis Khatam Al-Quran sempena bulan suci Ramadhan bagi tahun 1439H/2018M di Bangunan Kementerian Kewangan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan.
2. Hadir di majlis tersebut ialah Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Awang Haji Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri selaku Timbalan Pengerusi Lembaga Pengarah AMBD; Yang Berhormat Dato Seri Paduka Dr Awang Haji Mohd Amin Liew bin Abdullah, Menteri Kewangan II; Yang Mulia Ahli-Ahli Lembaga Pengarah AMBD yang lain serta pegawai-pegawai dan kakitangan AMBD.
3. Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Awang Haji Abu Bakar bin Haji Apong. Ini diikuti dengan bacaan ayat-ayat lazim beramai-ramai, bacaan Takhtim, dan Doa Khatam yang dibacakan oleh Awang Muhd. Khairul Anuar bin Haji Ahmad. Majlis juga diselajurkan dengan penyampaian sumbangan derma kepada beberapa orang anak-anak yatim oleh Yang Berhormat Timbalan Pengerusi Lembaga Pengarah AMBD.

Tarikh : 26 Ramadhan 1439 / 11 Jun 2018

Rujukan : AMBD/COMMS/3